

08 JUL 1997

Bakun-Masing

TABUNG AMANAH BAKUN MASIH KEKURANGAN RM5 JUTA

BINTULU, 8 Julai (Bernama) -- Tabung Amanah Bakun, yang dilancarkan Ogos tahun lepas untuk faedah penduduk yang terlibat secara langsung dengan projek hidroelektrik Bakun masih lagi menunggu sumbangan RM5 juta daripada pengurusan projek itu.

Pengerusi tabung berkenaan Dr James Jemut Masing berkata, sehingga ini beliau belum menerima maklumat balas daripada pengurusan projek itu mengenai sumbangan yang dijanjikan itu.

"Saya tidak tahu bila sumbangan itu akan diberi tetapi saya yakin mereka akan memberi pada masa yang sesuai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bengkel lima hari "Isu Sosial dan Budaya Serta Peluang Perniagaan untuk Wanita Belaga" hari ini.

Sehingga ini Tabung Amanah Bakun yang dianggap oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai tabung pertama di dunia bagi membantu penduduk yang terlibat dengan projek hidroelektrik, telah menerima sumbangan RM10 juta terdiri daripada RM5 juta sumbangan kerajaan negeri Sarawak dan RM5 juta lagi daripada kerajaan persekutuan.

Dr Masing yang juga Menteri Pelancongan Sarawak berkata bagaimanapun jumlah yang sedia ada dalam tabung itu mencukupi bagi memberi biasiswa kepada penduduk Belaga untuk meneruskan pengajian.

Beliau berkata, sebanyak 50 permohonan diterima bagi peringkat diploma dan ijazah dan banyak lagi permohonan dijangka diterima dalam beberapa minggu lagi.

"Kita juga sudah memberi biasiswa kepada 10 pelajar yang menuntut di Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak," katanya. Mesyuarat akan diadakan dalam bulan ini bagi membincangkan pemberian biasiswa untuk pelajar peringkat diploma dan ijazah itu.

Beliau juga berkata, bengkel-bengkel berkaitan dengan pembangunan diri dan ke arah penyertaan lebih aktif dalam aktiviti ekonomi negeri akan diperbanyakkan khususnya bagi penduduk Belaga.

Seramai 60 peserta dari 15 buah rumah panjang menghadiri bengkel anjuran Jawatankuasa Pembangunan Bakun dan dibiayai oleh Tabung Amanah Bakun itu. -- BERNAMA

RDY NMO